

Kutipan dari lain majalah

AWAS FIKIRAN YANG MENYESATKAN. . . . !

Supaya kita bersikap adil tatkala membuat sesuatu Maka oleh itu kita turunkan semula ulasan tuan pengarang Mastika tatkala menulis buku “**Atheis**” (tiada bertuhan) dengan mengambil ulasan-ulasannya sahaja yang mengenai dengan perkara-perkara fikirannya yang kita percaya dengan kerana ketiadaan ulasan-ulasan yang tepat menunjukkan pendiriannya bolehlah disifatkan fikiran-fikirannya ini berlawanan sama sekali dengan kehendak agama Islam yang kita percayai menjadi agama keturunannya. Juga di sini kita sajikan semula tulisan Tuan Asyraf di dalam majalah itu juga keluaran pada bulan Mac 1950 iaitu sebulan sesudah ulasan berkenaan buku yang tersebut di atas itu disiarkan. Kandungan ulasannya itu ialah demikian :-

Buku Roman Indonesia Atheis (tiada bertuhan) ini adalah buku Indonesia yang pertama sekali membicarakan pengaruh jalan-jalan fikiran Barat atas jalan-jalan fikiran Indonesia. Buku Roman ini membayangkan pertentangan antara cara berfikir yang membidas dan nyata yang dialirkan oleh jalan-jalan fikiran falsafah Barat melawan cara berfikir yang penuh dikelubungi oleh perasaan keagamaan bangsa Indonesia khasnya Melayu umumnya yang turun-murun

Jadinya buku Roman ini membayangkan apa yang sekarang berlaku dalam alam fikiran pemuda-pemuda Indonesia khasnya dan Melayu umumnya pada masa sekarang ini, pemuda-pemuda Indonesia yang selalu disebut sebagai Angkatan 45 dan pemuda-pemuda Melayu sebagai Angkatan Muda.

Setelah itu tuan pengarang Mastika menggambarkan kandungan buku Atheis itu satu-persatu kemudian meneruskan ulasannya dengan katanya:-

“Kalau dibenarkan kita melanjutkan isi ayat itu dengan secara **Rational** (nyata) kita akan meneruskannya: Dua ayat ungkapan manusia bahawa manusia itu ditetapkan oleh Yang abadi (Tuhan) itu salah kerana abadi, tetap, kekal adalah pengertian waktu sedang waktu adalah pengertian ukuran dan ukuran ditetapkan oleh manusia maka manusia adalah menetapkan segala-galanya.

Jalan fikiran ini bukan jalan fikiran baharu malah jalan fikiran lama, sangat lama iaitu jalan fikiran Yunani Tua yang mula-mula diciptakan oleh **Protagoras** yang hidup lebih 40 tahun sebelum Nabi Isa dilahirkan. Kata Protagoras, manusia itu adalah ukuran bagi semua (**Man is a measure of all things**) dan jalan fikiran Protagoras itu dibantah pula oleh **Socrates** dan anak-anak muridnya **Plato** dan **Aristotles** yang membahagi-bahagikan alam falsafah itu kepada dua: **Mind** (untuk yang berfikir ke alam ghaib) dan **Matter** (untuk berfikir ke alam yang nyata). **Mind** membicarakan hal-hal yang ghaib, hal dewa-dewa, hal-hal patung yang disembah, hal-hal ketuhanan, hal-hal khayal seperti mendirikan suatu masyarakat khayal, suatu kebahagiaan khayal umpamanya dan **Matter** membicarakan hal-hal yang

nyata di alam ini, pendeknya hal-hal yang mengenai kenyataan alam yang didasarkan atas keadaan yang nyata pula seperti masyarakat buruk sebab ekonomi tiada teratur, ekonomi tak teratur sebab tak ada perdamaian antara manusia, tak ada perdamaian antara manusia sebab manusia berkasa-kasa demikianlah seterusnya. . . . macam-macam lagi - semuanya mencari di mana kesilapan yang tidak baik itu terletak dan sesudah dapat maka baharulah berusaha pula memperbaikinya atau menyingkirkannya. Soal **Mind** dan **Matter** sehingga sampai sekarang masih dicari orang mana satu yang benar.

Ahli-ahli falsafah yang terkenal dalam dunia seperti: **Kant** (1724-1804). Dia mencari perubahan antara **Mind (Idealism)** dengan (**Realism** atau **Materialism**) **Matter**. Tetapi dia tidak berjaya dalam menyatukan kedua-duanya ini. Akhirnya dia mengeluarkan teori: **Soul** (nyawa) sebagai satu alat untuk memberi fikiran halus, **World** (dunia) sebagai satu benda yang tiba-tiba telah ada (**Phenomena**) dan tuhan sebagai yang berkuasa dan yang sempurna daripada semuanya itu,

Jalan fikiran **Kant** ini menimbulkan beberapa teguran di kalangan ahli-ahli falsafah yang lain.

Hegel (1770-1831) umpamanya mengemukakan teori: **Logic** (Jalan fikiran mencari sebab musabab atas kejadian-kejadian yang timbul dalam dunia), **Nature** (jalan fikiran memperbaiki dunia dengan tindakan yang nyata) dan **Spirit** atau **Mind** (jalan fikiran memperbaiki dunia dengan tindakan yang khayal) **Hegel** juga memajukan teori bahawa tiap-tiap satu kejadian di dunia ada pertentangannya.

Menurut **Hegel**, **Logic** dan **Nature** adalah cara berfikir yang nyata (**Rational**). Dari itu orang yang bertahan seperti ini ialah orang yang **Realism** dan

Mind atau **Spirit** ialah cara berfikir yang berdasarkan **Idealism**. Pun teori **Hegel** ini membuka jalan bagi teguran-teguran

Feurbach (1804-72) umpamanya menyatakan bahawa tidak boleh disatukan antara **Mind** dan **Matter**, antara **Idealism** dan **Materialism**. Orang mesti memilih satu di antara dua, tetapi dia memberi peringatan bahawa jalan fikiran yang mengatakan ada suatu kekuasaan yang lebih kuat kudratnya dari manusia semata-mata suatu dongeng sahaja

Schopenhauer (1788-1860) berkata bahawa manusia mengkaji soal dunia ini dari segi dunia sendiri, jangan dicampurkan dengan jalan fikiran yang mengakui adanya suatu kekuasaan yang lebih kuat kudratnya daripada manusia dan sebaliknya harus mengkaji soal dunia menurut **The thing in itself**.

Pada tahun 1869, seorang falsafah Inggeris **Huxley** mengemukakan teori bahawa oleh kerana manusia tidak tahu dengan tegas apa-apa di antara dunia khayal (**Spiritual World**) dan dengan adanya manusia itu sendiri di dunia (**existence**) maka apa yang tidak diketahui dengan tegas itu jangan dipercayai jalan fikiran ini dinamakan **Agnosticism**. Jadi sekarang ada dua jalan fikiran yang tidak dapat disatukan antara satu sama lain **Materialism** dan **Idealism** dan pula satu lagi iaitu **Agnosticism**.

Mengkaji keadaan Hasan dalam buku ini kita dapat melihat bahawa Hasan bukan **Idealist** dan bukan pula **Materialist**. Ya Hasan seorang **Idealist** mulanya tetapi kemudian sudah berubah pendiriannya kejurusan seorang **Materialist**. Oleh sebab itu Hasan dalam buku ini tergantung di awang-awang

di antara seorang yang mengaku adanya Tuhan dan yang tidak mengaku adanya tuhan, dengan demikian maka jalan fikiran dalam buku ini berakhir sebagaimana seharusnya iaitu jalan manakah yang dipilih oleh Hasan. Pun tidak pula buku itu membicarakan jalan fikiran **Agnosticism**. Tetapi kalau memandang keadaan pemuda-pemuda Indonseia sekarang khususnya dan pemuda-pemuda Melayu umumnya maka isi buku itu sesuai dalam membayangkan jalan fikiran pemuda-pemuda tersebut iaitu sedang mencari yang mana satu akan dipilihnya antara **Materialism** atau **Idealism** dan dalam mencari itu mereka sayugia mesti lebih dalam lagi mempelajari perbezaan yang seperti bumi dan langit itu antara kedua jalan fikiran ini. Seorang **Idealist** umpamanya tidak boleh menjadi seorang **Realist**. Seorang **Realist** adalah seorang yang mengikuti jalan fikiran **Materialism** tetapi seorang **Idealist** boleh membayangkan dalam tulisan-tulisannya keadaan yang **Realistic**. Di sini ada perbezaan di antara **Realism**, **Realist** dan **Realistic**. Jadi buku **Atheis** itu harus dibaca oleh pemuda-pemuda angkatan lepas perang adanya

SYURGA (oleh M Asyraf)

Mengapa
masih juga orang meraba
dalam gelap gelita
mengadakan “Ia” yang tiada
mereka berkata
ia berkuasa mencipta
hingga sengsara dan derita
semua rahmat keadilannya
engkau rela
memeras segala tenaga
kau jual tulang dan raga

dengan hanya separuh harga
Maha Pencipta
hanya madah semata
supaya kau lena hingga
jasad jadi alat belaka
hanya ada satu buan
yang hanya buat kita semua
tidak ada lain dunia
tidak ada syurga neraka
dunia buruk jadi neraka
masyarakat adil jadi syurga
pilih satu antara dua
kita bina sama-sama

(maksud gurindam ini - maka boleh dikatakan ia gurindam - ialah lebih kurang demikian : “Mengapa juga orang meraba-raba dalam gelap gelita mengadakan “Ia” yang tiada – tuhan yang tiada. Mereka berkata ia berkuasa mencipta hingga mengadakan sengsara dan derita yang semuanya rahmat keadilannya sehingga menjadikan engkau rela memeras (memerah) segala tenaga dan menjual tulang dan raga dengan hanya separuh harga menyampaikan tujuan Maha Pencipta yang hanya menjadi madah (candu) semata supaya engkau terlena yang dengannya hingga menjadikan jasad itu jadi alat belaka. Hanya ada buan yang nyata, bagi kita semua iaitu tidak ada lain dunia dan tidak ada syurga dan neraka. Dunia buruk jadi neraka masyarakat adil jadi syurga - pilihlah satu di antara dua yakni “neraka” dan “syurga” yang boleh kita bina sama-sama.” Demikianlah yang kita pandang “gurindam’ M Asyraf yang disiarkan oleh majalah Mastika bilangan 41 - bulan Mac 1950 yang lalu -Pengarang)
